



# **KOLEKSI INFO PUU & GALERI AKTIVITI 2024**



# KOLEKSI INFO PUU & GALERI AKTIVITI 2024

**Penerbit UTeM Press**  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka  
2025

© Universiti Teknikal Malaysia Melaka

CETAKAN PERTAMA 2025

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan dalam sebarang bentuk menggunakan sebarang alat sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada pihak Penerbit UTeM Press, Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

Ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)  
Ahli Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA)  
Ahli Clarivate Analytics

**Diterbitkan dan Dicetak di Malaysia oleh**  
Penerbit UTeM Press  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka  
Hang Tuah Jaya, 76100 Durian Tunggal, Melaka, Malaysia.  
Tel: +606 270 1241      Faks: +606 270 1038

# KANDUNGAN

NO. INFO	TAJUK	HALAMAN
	Sekapur Sireh	
	Bab A : Koleksi Info PUU	
1/2024	Naib Canselor	9
2/2024	Timbalan Naib Canselor	10
3/2024	Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan & Penasihat Undang-Undang	11
4/2024	Tanda-Tanda Penagihan Dadah	12
5/2024	Suratcara/Dokumen	13
6/2024	Plagiat	14
7/2024	7 Proses Penyediaan Dokumen Perundangan	15
8/2024	Penyediaan Dokumen Perundangan	16
9/2024	Meterai Perbadanan Universiti	17
10/2024	Profesor Diraja	18
11/2024	Apa Itu Kontrak	19
12/2024	Tahukah Anda?	20
13/2024	Jabatan Bantuan Guaman ("JBG")	21
14/2024	Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("APDP") - Siri 1	22
15/2024	3 Pihak Utama Dalam APDP - Siri 2	23
16/2024	Apa Itu Data Peribadi - Siri 3	24
17/2024	7 Prinsip Perlindungan Data Peribadi - Siri 4	25
18/2024	7 Prinsip Perlindungan Data Peribadi - Siri 5	26
19/2024	7 Prinsip Perlindungan Data Peribadi - Siri 6	27
20/2024	Beberapa Kesalahan dan Hukuman Bawah APDP - Siri 7	28
21/2024	Tahukah Anda?	29
22/2024	Ketidakhadiran Bertugas (Apa Yang Perlu Dilakukan Oleh PTj)	30
23/2024	Ketidakhadiran Bertugas (Tindakan Terhadap Staf)	31
24/2024	Elemen-Elemen Kontrak	32
25/2024	Ex-Officio	33
26/2024	Cop Petak Meletak Kenderaan	34
27/2024	Bencana Alam	35
28/2024	Kontrak Batal di Sisi Undang-Undang	36

29/2024	Body Shaming Adalah Jenayah	37
30/2024	Jangan Tinggalkan Anak di dalam Kenderaan	38
31/2024	Dilarang Berkongsi kandungan Lucah di Media Sosial	39
32/2024	Jangan Pecah Amanah	40
33/2024	Pedofilia	42
34/2024	Bagaimana Proses Penggubalan Undang-Undang di Dewan Negara	43
35/2024	Bagaimana Proses Penggubalan Undang-Undang di Dewan Rakyat	44
36/2024	Apakah Yang Dimaksudkan Dengan Pengasingan Kuasa	45
37/2024	Kontrak Perolehan di UTeM	46
38/2024	Hierarki Mahkamah	47
39/2024	Follow Us	48
40/2024	Penyamaran	49
41/2024	Kesalahan Boleh Daftar	50
42/2024	Perbezaan Antara Kesalahan Jenayah dan Kesalahan Sivil	52
43/2024	Tahukah Anda?	53
44/2024	Bunga Raya Bunga Kebangsaan	53
45/2024	Adakah Kita Sedang Berkontrak	54
46/2024	Tarikh-Tarikh Penting di Dalam Kontrak Perolehan	55
48/2024	Pacta Sunt Servanda	56
49/2024	Kesalahan Perlu Kita Tahu di Bawah Akta Jenayah Komputer 1997	57
50/2024	Akta Kesalahan Yang Berhubungan Dengan Anugerah 2017 (“Akta”)	58
51/2024	Kehadiran Ke Kuliah, Tutorial, Kelas atau Pengajaran	59
52/2024	Kelakuan Berhubungan Peperiksaan	60
53/2024	Kesalahan Menghina	61
55/2024	Akta Kontrak 1950 – Pelepasan Kontrak	62
	Bab B : Galeri Aktiviti 2024	63

# SEKAPUR SIREH



Assalamualaikum Wrt. Wbt. & Salam Sejahtera,

Pertamanya dipanjatkan segala puji ke hadrat Allah SWT dengan izinNya Pejabat Penasihat Undang-Undang ("PUU"), Universiti Teknikal Malaysia Melaka ("UTeM") buat kali ketiga dapat menyediakan buku "Koleksi Info PUU" yang dikeluarkan melalui "Info UTeM" sepanjang tahun 2024.

Seperti tahun-tahun sebelumnya, warga PUU menggunakan peluang dengan sebaik mungkin untuk berkongsi pelbagai cabang ilmu undang-undang bersama warga UTeM. Perkongsian ilmu ini disediakan dalam pelbagai bentuk poster/infografik bagi menarik minat membaca dalam kalangan warga UTeM.

Besar harapan kami agar buku "Koleksi Info PUU" ini dapat memberi manfaat kepada warga UTeM dalam menjalani kehidupan dan tugas harian. InsyaAllah pihak PUU akan terus komited untuk berkongsi ilmu undang-undang untuk tahun-tahun yang mendatang.

Terima kasih.

Encik Mohd Nizam bin Pavel  
Penasihat Undang-Undang



# **BAB A**

# **KOLEKSI**

# **INFO PUU**

# NAIB CANSOLOR



INFO PEJABAT PUU  
BIL 1/2024 (BPRC)

- Dilantik oleh Menteri di bawah seksyen 4A, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 selepas berunding dengan Lembaga.
- Menjadi Ketua Pegawai Eksekutif.
- Bertindak di bawah kuasa & arahan am Lembaga dan Senat.
- Bertanggungjawab bagi keseluruhan fungsi pentadbiran, akademik & hal ehwal Universiti.

## TIMBALAN NAIB CANSELOR



- Dilantik oleh Menteri di bawah seksyen 4A, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 selepas berunding dengan Naib Canselor.
- Mana-mana Timbalan Naib Canselor yang dinamakan oleh Menteri hendaklah menjalankan mana-mana fungsi Naib Canselor jika Naib Canselor tidak berupaya oleh sebab sakit, cuti atau sebab-sebab lain bagi sesuatu tempoh yang lama.

INFO PEJABAT PUU  
BIL 2/2024 (BPRC)

## PENDAFTAR, BURSAR, KETUA PUSTAKAWAN & PENASIHAT UNDANG-UNDANG



- Dilantik oleh Lembaga atas nasihat Jawatankuasa Pemilih untuk tempoh tidak lebih tiga (3) tahun dan layak dilantik semula apabila tamat tempoh.
- Pegawai sepenuh masa Universiti.
- Mempunyai kuasa dan kewajiban sebagaimana yang ditetapkan oleh statut.

INFO PEJABAT PUU  
BIL 3/2024 (BPRC)



# TANDA-TANDA PENAGIHAN DADAH

**01** Kemerossotan kehadiran/prestasi di tempat kerja.

**02** Kemerossotan selera makan/paras rupa.

**03** Kekerapan meminta wang dari keluarga/rakan-rakan.

**04** Sering berdampingan dengan mereka yang diketahui penagih dadah.

**05** Terdesak menjual barang-barang peribadi seperti pakaian, telefon bimbit, dll.



INFO PEJABAT PUU  
BIL 4/2024 (BPRC)

# SURATCARA/DOKUMEN

Sila pastikan perkara-perkara berikut dilengkapkan

## 1 TARIKH SURATCARA/DOKUMEN

Masukkan tarikh mula dan tamat (jika ada).



## 2 AMAUN & MAKLUMAT-MAKLUMAT PENTING YANG PERLU DIMASUKKAN DALAM SURATCARA/DOKUMEN

**IMPORTANT!**

## 3 TANDATANGAN SERTA NAMA & JAWATAN PENANDATANGAN

A stylized handwritten signature in black ink.

## 4 MATI SETEM

Bagi suratcara/dokumen yang memerlukan mati setem.



## 5 SALINAN DOKUMEN

Pastikan suratcara/dokumen yang dimeterai mempunyai salinan dan disimpan ditempat yang selamat bagi tujuan rujukan.

Info Pejabat PUU  
BIL 5/2024 (BPRC)

# PLAGIAT

INFO PEJABAT PUU  
BIL. 6/2024 (BPRC)



- Perbuatan meniru atau mengutip/mencedok hasil kerja orang lain tanpa izin Penulis asal.
- Menyiarikannya sebagai ciptaan sendiri.
- Boleh dikenakan tindakan tatatertib:-

Staf : Akta Badan-Badan Berkanun  
(Tatatertib & Surcaj) 2000.

Pelajar : Kaedah-Kaedah Universiti Teknikal  
Malaysia Melaka (Tatatertib Pelajar-Pelajar)  
2009.



# 7 PROSES

## PENYEDIAAN DOKUMEN PERUNDANGAN (garis panduan, peraturan, dsb)

(BAHAGIAN 1)



### 01 KENAL PASTI "5 W"

What, why, who, where & when.  
(Penjelasan lanjut dalam bahagian 2).



### 03 KAJIAN MENDALAM

Laksanakan kajian mendalam/menyeluruh berhubung dokumen perundangan yang disediakan seperti merujuk pekeliling, undang-undang yang terpakai dan sebagainya.



### 05 TERMA RUJUKAN

Sekiranya terdapat jawatankuasa atau apa-apa jua nama ia disebut, pastikan mempunyai terma rujukan yang jelas terutama jumlah kuorum.



### 07 KELULUSAN

Pastikan dokumen yang disediakan diluluskan oleh pihak berkuasa Universiti yang mempunyai bidang kuasa yang berkenaan.

### 02

#### DOKUMEN ASAL



Tidak mengetahui kewujudan dokumen asal.  
Kesan : tidak membatalkan dokumen asal yang menyebabkan kekeliruan terma di antara dokumen asal dan baharu.

### 04

#### PUNCA KUASA



Merujuk sumber rujukan yang sahih dan tepat dan bukannya rujukan yang tidak berkenaan dan tidak lagi berkuat kuasa.

### 06

#### PERBINCANGAN BERSAMA PTJ



Pastikan perbincangan bersama semua pihak diadakan bagi mendapatkan maklum balas/input sebelum draf dokumen dimuktamadkan.

INFO PEJABAT PUU  
BIL. 7/2024 (BPRC)



# PENYEDIAAN DOKUMEN PERUNDANGAN (GARIS PANDUAN, PERATURAN, DSB) - BAHAGIAN 2

## (1) what (Apa)

- Kenal pasti jenis dokumen yang ingin diwujudkan/disediakan seperti dasar, peraturan, garis panduan dan sebagainya.

## (2) Why (Mengapa)

- Kenal pasti tujuan sesebuah dokumen ingin disediakan (masalah/punca yang menyebabkan sesebuah dokumen ingin diwujudkan/disediakan).

## (3) Who (golongan sasaran)

- Kenal pasti golongan sasaran sesebuah dokumen ditujukan seperti staf, pelajar, pihak luar atau kesemuanya.

## (4) Where (Di mana)

- Kenal pasti lokasi pemakaian sesebuah dokumen seperti di Kampus Induk, Kampus Teknologi, Kolej Kediaman Pelajar dan sebagainya.
- Kegagalan mengenal pasti pemakaian sesebuah dokumen boleh menyebabkan kekeliruan dalam pelaksanaan terma-terma di dalam dokumen perundangan.

## (5) When (Bila/tarikh kuat kuasa)

- Pastikan tarikh kuat kuasa sesebuah dokumen yang telah diluluskan oleh pihak berkuasa Universiti dinyatakan di dalam dokumen yang disediakan.

INFO PEJABAT PUU  
BIL. 8/2024 (BPRC)

16 PEACE, JUSTICE  
AND STRONG  
INSTITUTIONS



# METERAI PERBADANAN UNIVERSITI

- Meterai perbadanan adalah lambang rasmi Universiti yang diluluskan oleh Canselor atas syor Lembaga Pengarah.
- Tanda keabsahan atau ketulenan sesebuah dokumen.



Dicapkan di hadapan:-

- a- Naib Canselor; dan
- b- seorang ahli Lembaga Pengarah.

Penggunaan meterai perbadanan bagi skrol suatu ijazah, diploma, sijil atau kepujian akademik lain, hendaklah dicapkan di hadapan Naib Canselor.



Meterai perbadanan hendaklah diberikan pengiktirafan rasmi dan kehakiman.



INFO PEJABAT PUU  
BIL. 9/2024 (BPRC)

# PROFESOR DIRAJA

Dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong selepas berunding dengan Canselor.

Bilangan yang dilantik (pada bila-bila masa) tidak lebih tiga (3) orang.

Mempunyai kepujian akademik yang luar biasa sebagai profesor Universiti.

Profesor Diraja hendaklah memegang jawatan berdasarkan terma dan syarat yang difikirkan sesuai oleh Canselor dengan persetujuan Yang di-Pertuan Agong.





## TAHUKAH ANDA?

“Pro Bono” adalah perkataan latin yang bermaksud perkhidmatan profesional (undang-undang) yang diberikan secara sukarela. Kebiasaannya anak guam hanya perlu membayar kos duti setem, yuran pendaftaran, dsb.nya (tertakluk kepada perbincangan & persetujuan di antara peguam dan anak guam) manakala tiada yuran guaman dikenakan kepada anak guam.

INFO PEJABAT PUU  
BIL 12/2024 (BPRC)



# JABATAN BANTUAN GUAMAN (“JBG”)

- BADAN KERAJAAN DI BAWAH BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG, JABATAN PERDANA MENTERI.

- 
- MEMBERIKAN BANTUAN GUAMAN KEPADA INDIVIDU YANG KURANG BERKEMAMPUAN TERTAKLUK KEPADA UNDANG-UNDANG/SYARAT-SYARAT YANG SEDANG BERKUATKUASA.

- UNTUK MAKLUMAT LANJUT, SILA LAYARI LAMAN SESAWANG RASMI JBG.



INFO PEJABAT PUU  
BIL 13/2024 (BPRC)

# AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 ("APDP") - SIRI 1

1

Salah satu dari undang-undang siber.

2

Dikuatkuasakan pada 15 November 2013.

3

Digubal dengan tujuan mengawal selia pemprosesan data peribadi dalam transaksi komersial dan melindungi kepentingan subjek data.

4

Terpakai kepada individu & organisasi yang memproses data peribadi transaksi komersial seperti bank, insurans, hospital, dsb.nya.

5

Mendukung matlamat Dasar Kebangsaan Kesepuluh Dalam Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 iaitu menjamin keselamatan maklumat dan kebolehpercayaan dan keutuhan rangkaian.

✦ **INFO PEJABAT PUU**  
**BIL 14/2024 (BPRC)**



# 3 PIHAK UTAMA DALAM APDP - SIRI 2

## PENGGUNA DATA

Individu atau syarikat yang memproses data peribadi dalam transaksi komersial seperti bank, hospital, dsb.nya.

## PEMROSES DATA

Individu atau syarikat yang memproses data peribadi bagi pihak pengguna data.

## SUBJEK DATA

Pemilik data peribadi iaitu pekerja, pelanggan atau pesakit.

INFO PEJABAT PUU  
BIL 15/2024 (BPRC)



# APA ITU DATA PERIBADI - SIRI 3

Apa-apa maklumat dalam transaksi komersial yang boleh mengenalpasti seseorang seperti contoh berikut:-

01

Nama, alamat rumah/pejabat.

02

Nombor kad pengenalan, nombor telefon.

03

Gambar, alamat emel.

04

Nombor pasport, tarikh lahir.

INFO PEJABAT PUU  
BIL 16/2024 (BPRC)



# 7 PRINSIP

PERLINDUNGAN DATA  
PERIBADI - SIRI 4

1

PRINSIP AM

2

PRINSIP NOTIS  
DAN PILIHAN

3

PRINSIP  
PENZAHIRAN

4

PRINSIP  
KESELAMATAN

5

PRINSIP  
PENYIMPANAN

6

PRINSIP INTEGRITI  
DATA

7

PRINSIP AKSES

INFO PEJABAT PUU  
BIL 17/2024 (BPRC)



# 7 PRINSIP PERLINDUNGAN DATA PERIBADI - SIRI 5

## (1) PRINSIP AM

Pengguna data tidak boleh memproses data peribadi tanpa persetujuan subjek data.

## (2) PRINSIP NOTIS & PILIHAN

Subjek data perlu dimaklumkan akan tujuan pengumpulan data peribadi.

## (3) PRINSIP PENZAHIRAN

Tiada data peribadi boleh dizahirkan tanpa persetujuan subjek data.



INFO PEJABAT PUU  
BIL 18/2024 (BPRC)

# 7 PRINSIP PERLINDUNGAN DATA PERIBADI - SIRI 6

## (4) PRINSIP KESELAMATAN

Pengguna data perlu melindungi data peribadi daripada kebocoran, kehilangan, salah guna, dsb.nya.



## (5) PRINSIP PENYIMPANAN

Data peribadi tidak boleh disimpan lebih lama dari tempoh yang diperlukan.

## (6) PRINSIP INTEGRITI DATA

Pengguna data perlu memastikan bahawa data peribadi adalah tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan terkini.

## (7) PRINSIP AKSES

Subjek data perlu diberikan akses kepada data peribadinya dan boleh membuat pembetulan jika data peribadinya tidak lengkap, mengelirukan atau tidak dikemas kini.

INFO PEJABAT PUU  
BIL 19/2024 (BPRC)



# BEBERAPA KESALAHAN DAN HUKUMAN BAWAH APDP - SIRI 7

INFO PEJABAT PUU

BIL 20/2024 (BPRC)

## KETIDAKPATUHAN MEMPROSES DATA PERIBADI

Denda tidak lebih RM300,000.00, penjara tidak lebih 2 tahun atau kedua-duanya sekali.



## KETIDAKPATUHAN TATAAMALAN BAGI PENGGUNA DATA ITU

Denda tidak lebih RM100,000.00, penjara tidak lebih 1 tahun atau kedua-duanya sekali.

## BERSUBAHAT UNTUK MELAKUKAN APA-APA KESALAHAN BAWAH APDP

Apa-apa tempoh pemenjaraan yang dikenakan tidak boleh melebihi setengah daripada tempoh maksimum yang diperuntukkan bagi kesalahan itu.

# TAHUKAH ANDA?

## FAKTA RINGKAS PERLEMBAGAN PERSEKUTUAN



MERUPAKAN UNDANG-  
UNDANG TERTINGGI  
NEGARA.

DIRANGKA ATAS NASIHAT  
SURUHANJAYA REID PADA  
TAHUN 1956.

MEMERLUKAN MAJORITI 2/3  
DEWAN RAKYAT & DEWAN  
NEGARA UNTUK DIPINDA  
(MENGIKUT ISU).

MEMASTIKAN PENTADBIRAN  
& PEMERINTAHAN YANG  
ADIL DAN TELUS.

MENJAMIN PERKEMBANGAN  
EKONOMI NEGARA.



INFO PEJABAT PUU  
BIL 21/2024 (BPRC)



# KETIDAKHADIRAN BERTUGAS - APA YANG PERLU DILAKUKAN OLEH PTJ (SIRI 1)



INFO PEJABAT PUU  
BIL 22/2024 (BPRC)



## KETIDAKHADIRAN BERTUGAS - TINDAKAN TERHADAP STAF (SIRI 2)

### (1) LUCUT HAK EMOLUMEN

Peraturan 26, Jadual Kedua, Peraturan-Peraturan Tatatertib Badan-Badan Berkanun, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000.

Pelucuthakan emolomen di bawah subperaturan (1) 26 bukanlah suatu hukuman tatatertib.

### (2) TATATERTIB (HUKUMAN)

Peraturan 40, Jadual Kedua, Peraturan-Peraturan Tatatertib Badan-Badan Berkanun, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000.

Seseorang staf yang didapati bersalah oleh jawatankuasa tatatertib, boleh dikenakan hukuman iaitu mana-mana satu atau gabungan dua atau lebih hukuman yang berikut:-

- 4- tangguh pergerakan gaji
- 5- turun gaji
- 6- turun pangkat
- 7- buang kerja

- 1- amaran
- 2- denda
- 3- lucut hak emolomen



INFO PEJABAT PUU  
BIL 23/2024 (BPRC)

# ELEMEN-ELEMEN KONTRAK

01.

## TAWARAN (OFFER)

- Satu pihak membuat tawaran untuk menjual



02.

## PENERIMAAN (ACCEPTANCE)

- Satu lagi pihak yang menerima tawaran untuk membeli



03.

## NIAT (INTENTION)

- Pernyataan hasrat ingin menjual dan membeli (mewujudkan hubungan yang sah di sisi undang-undang)



04.

## BALASAN (CONSIDERATION)

- Objek pembelian (yang tidak menyalahi undang-undang) dan wang berjumlah RMXXX



05.

## KEUPAYAAN (CAPACITY)

- Cukup umur, dewasa. (Kanak-kanak boleh berkontrak untuk perkara-perkara yang merupakan keperluan kehidupan yang munasabah, biasiswa pendidikan, insurans, dan pekerjaan/perantisan).



06.

## KERELAAN BEBAS (FREE CONSENT)

- Waras, tiada paksaan, tiada pengaruh luar.



07.

## KEPASTIAN (CERTAINTY)

- Perjanjian-perjanjian yang mempunyai unsur ketidakpastian, kabur, tidak jelas, atau mengelirukan adalah batal dan tidak akan mengikat mana-mana pihak yang terbabit.



# EX OFFICIO

**MAKSUD : ATAS DASAR ATAU DISEBABKAN JAWATAN  
(SUMBER : DEWAN BAHASA & PUSTAKA).**

**JEMPUTAN : PERLU DIJEMPUT UNTUK MENGHADIRI SESUATU  
MESYUARAT. SEKIRANYA AHLI EX-OFFICIO TIDAK DAPAT  
HADIR KE MESYUARAT ATAS APA-APA SEBAB, TIDAK  
MENJADI SUATU KEWAJIBAN UNTUK MENGGANTIKAN  
TEMPATNYA.**

**UNDI : TIDAK MEMPUNYAI HAK MENGUNDI KECUALI  
DINYATAKAN SEBALIKNYA DALAM TERMA RUJUKAN PIHAK  
BERKUASA YANG BERKENAAN.**

**TEMPOH KEAHLIAN : TEMPOH KEAHLIAN ADALAH  
BERDASARKAN JAWATAN YANG DISANDANG ATAU MENGIKUT  
TEMPOH LANTIKAN SEBAGAI AHLI-EX-OFFICIO (MENGIKUT  
MANA YANG TERDAHULU).**

INFO PEJABAT PUU  
BIL. 25/2024 (BPRC)



# COP PETAK MELETAK KENDERAAN



Perbuatan cop petak meletak kenderaan (kerusi, kon, pasu bunga, berdiri atas petak parkir dan sebagainya) adalah suatu kesalahan di bawah seksyen 50(3), Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Jika sabit kesalahan, boleh dikenakan hukuman di bawah seksyen 119(2), Akta Pengangkutan Jalan 1987:-

(a) denda maksimum RM2,000.00 atau penjara tidak melebihi 6 bulan bagi kesalahan kali pertama.

(b) denda tidak melebihi RM4,000.00 atau penjara tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya bagi sabitan kali kedua dan selanjutnya.

Bertimbang Rasa  
Di Jalan Raya.



INFO PEJABAT PUU  
BIL. 26/2024 (BPRC)



# BENCANA ALAM

- Kejadian semula jadi seperti banjir, letusan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh dan sebagainya.
- Tuntutan ganti rugi:-

a- Kenderaan : Perlu mempunyai perlindungan peril khas (*special perils*).

b- Rumah : Perlu rujuk polisi perlindungan insuran semasa membuat pembiayaan perumahan.



INFO PEJABAT PUU  
BIL. 27/2024 (BPRC)



## Kontrak Batal Di Sisi Undang-Undang

SEKSYEN 24 AKTA KONTRAK 1950



Sesuatu balasan  
kontrak atau objek  
kontrak adalah sah  
kecuali :



- (a) Ianya dilarang oleh undang-undang ;
- (b) Sekiranya dibenarkan, ianya akan mengecewakan peruntukan undang-undang ;



- (c) Ianya merupakan fraud ;
- (d) Ianya mendatangi atau melibatkan bencana kepada diri atau harta orang lain ; atau



- (e) Mahkamah menganggapnya tidak moral atau bertentangan dengan kepentingan awam.





# BODY SHAMING ADALAH JENAYAH!

“*BODY SHAMING*” atau perbuatan menghina rupa fizikal seseorang dimana-mana perkhidmatan aplikasi boleh didakwa di bawah Seksyen 233 (1) (B) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588)



## KESAN KEPADA MANGSA :

- Cubaan bunuh diri
- kemurungan
- hilang keyakinan diri
- stress dan gangguan emosi

**“SENTIASALAH PEKA  
DENGAN SENSITIVITI  
ORANG SEKELILING”**

INFO PEJABAT PUU BIL. 29 /2024 (BGK)

# JANGAN TINGGALKAN ANAK DI DALAM KENDERAAN



Kecuaian individu meninggalkan kanak-kanak dalam kenderaan tanpa pengawasan adalah suatu kesalahan di bawah Seksyen 31 (1) (A) Akta Kanak-Kanak 2001

**JIKA DISABITKAN KESALAHAN**  
**DENDA** tidak lebih RM50,000 atau **penjara** tidak lebih 20 tahun atau **kedua-duanya sekali**



INFO PEJABAT PUU  
BIL. 30/2024 (BGK)

# DILARANG

✦ **BERKONGSI KANDUNGAN LUCAH** ✦  
**DI MEDIA SOSIAL**



**PERBUATAN BERKONGSI KANDUNGAN LUCAH  
MELALUI MEDIA SOSIAL ADALAH SATU  
KESALAHAN DI BAWAH SEKSYEN 211, AKTA  
KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA 1998**

**JIKA DISABITKAN KESALAHAN, BOLEH DIDENDA TIDAK  
MELEBIHI RM50,000 ATAU DIPENJARAKAN SELAMA  
TEMPOH TIDAK MELEBIHI SATU (1) TAHUN ATAU KEDUA-  
DUANYA DAN JUGA BOLEH DIDENDA SELANJUTNYA  
RM1,000 BAGI SETIAP HARI ATAU SEBAHAGIAN DARIPADA  
SEHARI KESALAHAN ITU DITERUSKAN SELEPAS  
DISABITKAN**



**INFO PEJABAT PUU  
BIL. 31/2024 (BGK)**

# JANGAN PECAH AMANAH!

Istilah perundangan adalah PECAH AMANAH JENAYAH.

Dikenali juga sebagai “Criminal Breach of Trust” atau “CBT”

CBT berlaku apabila seseorang yang diamanahkan dengan sesuatu harta atau aset telah secara tidak jujur menyalahgunakan atau menjadikan harta tersebut untuk kegunaan diri sendiri.

CBT juga berlaku apabila seseorang yang diamanahkan untuk mengawal, menjaga, mengurus, mentadbir atau mengendalikan sesuatu harta telah secara tidak jujur mengguna atau melepaskan harta tersebut secara bertentangan dengan mana-mana arahan undang-undang atau pentadbiran yang menetapkan kaedah bagaimana harta itu sepatutnya digunakan atau dilepaskan.

## PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG

### SEK. 405 KANUN KESEKSAAN [AKTA 574]

“Barang siapa, dengan apa-apa cara telah diamanahkan dengan harta sama ada sendirian atau bersesama dengan mana-mana orang lain, atau dengan apa-apa kuasa atas harta, dengan curangnya menyalahgunakan, harta itu atau menjadikannya bagi kegunaannya sendiri, atau dengan curangnya melanggar apa-apa arahan undang-undang yang menetapkan cara bagaimana amanah itu kena disempurnakan, atau apa-apa kontrak di sisi undang-undang, yang nyata atau disifatkan ada, yang ia telah sengaja “



## HUKUMAN BAGI "CBT"

AKTA & KESALAHAN	HUKUMAN
Sek. 406 Akta 574: Seksaan Bagi CBT	Penjara tidak kurang 1 tahun & tidak lebih 10 tahun & sebatan & juga denda
Sek. 407 Akta 574: CBT oleh pembawa, dsb	Penjara tidak kurang 1 tahun & tidak lebih 10 tahun & sebatan & juga denda
Sek. 408 Akta 574: CBT oleh kerani atau orang gaji	Penjara tidak kurang 1 tahun & tidak lebih 10 tahun & sebatan & juga denda
Sek. 409 Akta 574: CBT oleh penjawat awam atau ejen	Penjara tidak kurang 2 tahun & tidak lebih 20 tahun & sebatan & juga denda
Peraturan 3(2), (a),(b),(c),(f),(g) dan (i) dan Peraturan 40 Jadual Kedua, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib & Surcaj) 2000 [Akta 605]	Mana-mana 1 atau gabungan 2 atau lebih hukuman berikut iaitu amaran atau denda atau lucut hak emolumen atau tangguh pergerakan gaji atau turun gaji atau turun pangkat atau buang kerja.



Sumber: Kanun Kesiksaan [Akta 574] dan Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib & Surcaj) 2000 [Akta 605]

INFO PEJABAT PUU BIL. 32/2024 (BTG)

# PEDOFILIA

Kecelaruhan seksual yang menyebabkan seseorang mempunyai tarikan seksual eksklusif terhadap kanak-kanak



Pedofilia terdiri daripada lelaki dewasa yang tertarik secara seksual terhadap :

Remaja  
13 - 15 tahun

13 & kebawah  
(kanak-kanak  
lelaki /perempuan)

## LANGKAH PENCEGAHAN

- 1 Ibu bapa harus berhati-hati dan tidak terlalu mendedahkan anak mereka di media sosial
- 2 Elakkan meletakkan maklumat peribadi seperti nama, gambar, umur, aktiviti harian keluarga
- 3 Ibu bapa perlu memantau aktiviti di alam maya

INFO PEJABAT PUU  
BIL. 33/2024 (BGK)

3 BUKU PELAKSANA  
SUKSES MELAKSANA

16 PILIHAN JAJAN  
BERSEKUTUANG  
MUTUASAMA

## AKTA-AKTA BERKAITAN PEDOFILIA

Kesalahan Pornografi

- PENJARA MAKSIMUM 30 TAHUN

Kesalahan Komunikasi secara seksual

- PENJARA MAKSIMUM 10 TAHUN

Kesalahan Pengantunan Kanak-kanak

- PENJARA MAKSIMUM 5 TAHUN & SEBATAN

Kesalahan Perjumpaan Selepas Pengantunan

- PENJARA MAKSIMUM 10 TAHUN & SEBATAN

Kesalahan Amang Seksual Fizikal

- PENJARA MAKSIMUM 20 TAHUN & SEBATAN

# Bagaimana proses penggubalan undang-undang di Dewan Negara?



## BACAAN KALI PERTAMA

- Bacaan tajuk panjang

## BACAAN KALI KEDUA

- Prinsip-prinsip am rang undang-undang dibahaskan
- Undian melalui majoriti mudah (dengan suara atau belah bahagi) bagi pindaan Perlembagaan memerlukan 2/3 majoriti

## PERINGKAT JAWATANKUASA

- Perbahasan spesifik mengenai semua fasal, jadual dan pendahuluan rang undang-undang akan diadakan
- Pindaan-pindaan yang dibincangkan

## BACAAN KALI KETIGA

- Undian untuk kali kedua
- Tajuk panjang akan dibacakan dan diluluskan oleh Dewan Rakyat



PERKENAN SERI PADUKA  
BAGANDA YANG DI-PERTUAN  
AGONG DIWARTA DAN DICETAK  
MENJADI UNDANG-UNDANG

16  
INFO PEJABAT PUU  
BIL. 34/2024 (BGK)

Sumber : Buku Parlimen Malaysia, Jabatan Penerangan Malaysia

# Bagaimana Proses Pengubalan Undang-Undang di Dewan Rakyat ?

01

## BACAAN KALI PERTAMA


- Bacaan tajuk panjang



02

## BACAAN KALI KEDUA

- Prinsip-prinsip am rang undang-undang dibahaskan
- Undian melalui majoriti mudah (dengan suara atau belah bahagi)/ bagi pindaan Perlembagaan



03

## PERINGKAT JAWATANKUASA


- Perbahasan spesifik mengenai semua fasal, jadual dan pendahuluan rang undang-undang akan diadakan
- Pindaan-pindaan yang dibincangkan



04

## BACAAN KALI KETIGA

- Undian untuk kali kedua
- Tajuk panjang akan dibaca dan diluluskan oleh Dewan Rakyat



INFO PEJABAT PUU  
BIL. 35/2024 (BGK)



# APAKAH YANG DIMAKSUDKAN DENGAN PENGASINGAN KUASA ?

1

Pengasingan Kuasa dalam Perlembagaan Malaysia secara umumnya merupakan proses kuasa politik atau pentadbiran dijalankan dengan memisahkan fungsi dan tanggungjawab antara institusi-institusi yang berbeza dalam Kerajaan

2

Bertujuan mengelak dan mencegah penyalahgunaan kuasa, memastikan keseimbangan kuasa dan mengelakkan kezaliman serta dominasi satu entiti ke atas yang lain

3

Pengasingan kuasa melibatkan tiga cabang utama Kerajaan iaitu Kuasa Eksekutif, Kuasa Legislatif dan Kuasa Kehakiman



INFO PEJABAT PUU  
BIL. 36/2024, (BCK)

## KONTRAK PEROLEHAN DI UTEM

### KONTRAK PEROLEHAN BEKALAN

Perolehan bekalan merangkumi pembekalan barangan/peralatan yang dibekalkan bagi menjalankan sesuatu program, aktiviti atau projek Universiti seperti makanan, pakaian, kenderaan, kelengkapan pejabat dan sebagainya.

### KONTRAK PEROLEHAN PERKHIDMATAN

- PERKHIDMATAN PERUNDING
  - Perundingan untuk projek pembangunan atau penyelidikan.
- PERKHIDMATAN BUKAN PERUNDING
  - Perkhidmatan pengendalian kursus dan latihan atau kontrak pembersihan bangunan

### KONTRAK PEROLEHAN KERJA

Perolehan kerja melibatkan kerja-kerja pembinaan dan penyelenggaraan seperti bangunan, lapangan terbang, pelabuhan, jalan raya, tapak kawasan, empangan air dan kerja perparitan serta juga merangkumi kerja-kerja sivil, mekanikal dan elektrik.



PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG UTEM




puu\_utm



Sumber : Peraturan  
Kewangan dan Perakunan  
Universiti

# HIERARKI MAHKAMAH



### 1. Info PUU



### 3. Kuiz



# FOLLOWS

### 2. Aktiviti



Jangan lepaskan peluang untuk mendapatkan berita dan informasi terkini dari kami! Tekan butang 'Like' dan 'Share' halaman kami di Facebook dan Instagram untuk mendapatkan INFO PEJABAT PUU dan perkembangan terkini Pejabat Penasihat Undang-Undang UTeM. Kami sangat menghargai sokongan anda!



Instagram



Facebook

puu.utm

PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG UTEM

# PENYAMARAN



www.kosmo.com.my  
TERKINI | NEGARA

## Remaja menyamar doktor direman dua hari

SUMBER : KOSMO DAN BERITA HARIAN.

KI | www.kosmo.com.my

## Lelaki menyamar doktor jelita ditahan

• Mangsa serah RM75,470 bagi persediaan perkahwinan

Seorang lelaki berketurunan Cina, dikenali sebagai Nurul Huda, telah ditahan kerana menyamar sebagai doktor jelita dan menipu mangsa serah RM75,470 bagi persediaan perkahwinan.

Orang Melayu berketurunan Cina, Nurul Huda, 30 tahun, ditahan kerana menyamar sebagai doktor jelita dan menipu mangsa serah RM75,470 bagi persediaan perkahwinan.

• Bapa doktor

Seorang lelaki berketurunan Cina, dikenali sebagai Nurul Huda, telah ditahan kerana menyamar sebagai doktor jelita dan menipu mangsa serah RM75,470 bagi persediaan perkahwinan.

Orang Melayu berketurunan Cina, Nurul Huda, 30 tahun, ditahan kerana menyamar sebagai doktor jelita dan menipu mangsa serah RM75,470 bagi persediaan perkahwinan.

Orang Melayu berketurunan Cina, Nurul Huda, 30 tahun, ditahan kerana menyamar sebagai doktor jelita dan menipu mangsa serah RM75,470 bagi persediaan perkahwinan.

Orang Melayu berketurunan Cina, Nurul Huda, 30 tahun, ditahan kerana menyamar sebagai doktor jelita dan menipu mangsa serah RM75,470 bagi persediaan perkahwinan.

## Seksyen 170 Kanun Keseksaan:-

Jika sabit kesalahan, dikenakan hukuman penjara sehingga dua (2) tahun, denda atau kedua-duanya sekali.



INFO PEJABAT PUU  
BIL 40/2024 (BPRC)

# Kesalahan Boleh Daftar



Kesalahan Boleh Daftar merujuk kepada jenis-jenis kesalahan jenayah yang wajib direkodkan di Malaysia. Individu yang disabitkan kesalahan ini akan mempunyai rekod jenayah yang boleh diakses oleh pihak berkuasa untuk tujuan keselamatan dan pengurusan.

1



## Kesalahan Kanun Keseksaan

Kategori ini merangkumi kesalahan seperti pembunuhan, kecurian, rompakan, penipuan, dan kesalahan seksual atau apa-apa kesalahan jenayah di bawah Kanun Keseksaan.

2



## Kesalahan Dadah

Kesalahan dadah termasuk pengedaran, penyeludupan, dan pemilikan dadah dalam kuantiti besar. Pemilikan dadah untuk kegunaan peribadi juga adalah kesalahan.

3



## Kesalahan Keselamatan Negara

Kategori ini merangkumi kesalahan seperti pengganas, aktiviti subversif, pengkhianatan, dan pemberontakan. Kesalahan ini dianggap ancaman kepada keselamatan negara.

4



## Kesalahan Jenayah Kolar Putih

Kategori ini merangkumi kesalahan seperti pengubahan wang haram, rasuah, penipuan kewangan dan penyelewengan dalam pengurusan korporat

5



## Kesalahan Lalu Lintas Serius

Kategori ini merangkumi kesalahan seperti memandu dalam keadaan mabuk atau di bawah pengaruh dadah, memandu laju, dan melanggar lampu isyarat yang mana ianya boleh sehingga membawa maut.

## Rekod Jenayah

Rekod kesalahan boleh daftar dikendalikan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan rekod ini disimpan dalam sistem pengkalan data jenayah negara. Rekod ini disimpan di bawah Akta Pendaftaran Jenayah 1959 dan ia berkisar pada kesalahan yang telah disabitkan dengan sabitan di mahkamah dan yang melibatkan hukuman penjara atau denda yang signifikan.



INFO PEJABAT PUU BIL.41/2024 (BTG)

# PERBEZAAN ANTARA KESALAHAN JENYAH DAN KESALAHAN SIVIL

## KESALAHAN JENYAH

Merujuk kepada tindakan/kelakuan yang melanggar undang-undang bertulis yang ditetapkan oleh negara & dianggap sebagai ancaman keselamatan, ketenteraman atau moral masyarakat.



Kerajaan/Negara Malaysia melalui Pendakwa Raya sebagai pendakwa melawan Orang Kena Tuduh (Individu/Entiti)

**"PP vs. OKT"**



Untuk melindungi masyarakat, mencegah jenayah dan menghukum pesalah jenayah.



Jika didapati bersalah, OKT boleh dihukum dengan denda, penjara, sebat, atau dalam kes tertentu, hukuman gantung sampai mati



Kes disiasat polis, didakwa di mahkamah oleh Pegawai Pendakwa dan dibicarakan di mahkamah jenayah



Pembunuhan, kecurian, rompakan, penipuan, kesalahan seksual, rasuah, kesalahan berkaitan dadah dan lain-lain kesalahan boleh daftar



Kesimpulan...

Kesalahan jenayah dan kesalahan sivil berbeza dari segi sifat, pihak terlibat, tujuan, dan jenis hukuman yang dikenakan. Kesalahan jenayah melibatkan pelanggaran undang-undang negara dan bertujuan untuk melindungi masyarakat secara keseluruhan, manakala kesalahan sivil melibatkan pertikaian peribadi yang diselesaikan melalui pampasan atau perintah mahkamah.

Kesalahan sivil, walaupun mungkin melibatkan pembayaran ganti rugi atau perintah lain dari mahkamah, tidak direkodkan dalam sistem rekod jenayah dan tidak dianggap sebagai kesalahan boleh daftar. Hanya kesalahan jenayah yang serius yang akan menyebabkan individu tersebut mempunyai rekod jenayah yang didaftarkan.

## KESALAHAN SIVIL

Merujuk kepada pertikaian antara individu atau entiti yang melibatkan hak peribadi atau kewangan. Ia tidak melibatkan pelanggaran undang-undang jenayah tetapi lebih kepada pelanggaran hak peribadi.

Pihak yang menyaman atau yang penuntut dikenali sebagai Plaintiff dengan pihak yang dituntut dikenali sebagai Defendan.

**"Plaintif vs. Defendan"**

Penyelesaian sivil bertujuan untuk memberi keadilan kepada pihak yang dirugikan dengan menyediakan pampasan atau penyelesaian bagi kerugian yang dialami

Jika didapati bersalah, defendan mungkin diarahkan untuk membayar ganti rugi atau mematuhi perintah mahkamah seperti injunksi

Kes dibawa oleh pihak Plaintiff terhadap Defendan, kedua-dua pihak biasanya melalui peguamcara yang dilantik, diselesaikan di mahkamah tanpa penglibatan polis

Pelanggaran kontrak, kecuasaan (negligence), fitnah, pertikaian harta, tuntutan ganti rugi

# TAHUKAH ANDA ?



- **KEMERDEKAAN** Persekutuan Tanah Melayu telah diisytiharkan secara rasmi tepat jam 9.30 pagi pada 31 Ogos 1957.
- Upacara Pemasyhuran Kemerdekaan ini berlangsung di Stadium Merdeka dengan disaksikan lebih 20,000 orang termasuklah Raja-Raja Melayu, tetamu-tetamu khas dari luar negara, anggota-anggota kabinet Kerajaan Persekutuan dan rakyat jelata.



INFO PEJABAT PUU  
BIL. 43/2024 (BGK)



## Bunga Raya

BUNGA KEBANGSAAN



Bunga Raya diisytiharkan sebagai Bunga Kebangsaan Persekutuan Tanah Melayu pada 28 Julai 1960.



Antara bunga lain yang dikemukakan oleh Kementerian Pertanian pada akhir 1958 termasuklah:

- Bunga Kenanga
- Bunga Melur
- Bunga Cempaka
- Bunga Teratal
- Bunga Mawar
- Bunga Tanjung



Kriteria -kriteria bunga raya dipilih :

- Terkenal dalam kalangan masyarakat
- Pokoknya berbunga sepanjang masa dan tidak bermusim
- Boleh ditanam dengan mudah
- Warnanya menandingi warna bunga-bunga yang lain
- Warnanya hidup, gembira, girang, giligang-gemilang
- Merah itu melambangkan keberanian



Sumber : Arkib Negara Malaysia



INFO PEJABAT PUU  
BIL. 44/2024 (BGK)





# PACTA SUNT SERVANDA



Prinsip undang-undang yang bermaksud "perjanjian mesti dipatuhi". Prinsip ini menekankan bahawa pihak-pihak yang terlibat dalam sesuatu kontrak mesti mematuhi dan melaksanakan perjanjian mereka mengikut apa yang telah dipersetujui dalam kontrak tersebut.

Dalam konteks undang-undang kontrak, pacta sunt servanda menjadi asas bahawa perjanjian yang sah dan mengikat perlu dihormati, dan pihak yang gagal melaksanakan kewajipan mereka boleh dikenakan tindakan undang-undang seperti ganti rugi atau pembatalan kontrak.

## CONTOH 1: PERJANJIAN SEWAAN

Penyewa mesti membayar sewa pada masa yang dipersetujui, manakala pemilik rumah mesti memastikan penyewa boleh menggunakan hartanah tersebut sepanjang tempoh sewaan. Sekiranya mana-mana pihak melanggar syarat, pihak yang terjejas boleh mengambil tindakan undang-undang berdasarkan perjanjian.

## CONTOH 2: KONTRAK PEMBINAAN

Syarikat pembinaan perlu memastikan kerja siap mengikut masa yang telah dipersetujui dan memenuhi spesifikasi. Pemilik bangunan pula mesti membayar jumlah yang dipersetujui mengikut jadual pembayaran dalam kontrak.

## CONTOH 3: KONTRAK PEKERJAAN

Seorang pekerja menandatangani kontrak pekerjaan dengan sesebuah syarikat/agensi/badan berkanun yang menyatakan tanggungjawabnya dan gaji yang akan dibayar setiap bulan. Maka, pekerja mesti menjalankan tanggungjawabnya seperti yang dinyatakan di dalam kontrak. Jika salah satu pihak melanggar terma kontrak, tindakan undang-undang boleh diambil.

Dalam semua contoh ini, pacta sunt servanda memastikan bahawa pihak-pihak terlibat terikat dengan syarat-syarat kontrak atau perjanjian dan harus mematuhi. Ini juga memberi jaminan bahawa pelanggaran terhadap kontrak boleh membawa kepada akibat undang-undang.

INFO. PEJABAT PUU: BIL. 48/2024 (BTG)

16  
PLAQUE JUSTICE  
AND STRONG  
INSTITUTIONS



# KESALAHAN *perlu kita tahu* di bawah Akta Jenayah Komputer 1997

## 1. Akses Tanpa Kuasa (Seksyen 3)

Mengakses komputer atau data tanpa izin, termasuk memasuki sistem yang dilindungi tanpa kebenaran.

**Hukuman:** Denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak lebih 5 tahun, atau kedua-duanya sekali

## 2. Akses tanpa kuasa dengan Niat untuk Melakukan Jenayah (Seksyen 4)

Mengakses komputer dengan niat untuk melakukan jenayah lain, seperti kecurian data atau penipuan.

**Hukuman:** Denda hingga RM150,000 atau penjara tidak lebih 10 tahun, atau kedua-duanya sekali.

## 3. Pengubahsuaian Tanpa Kuasa terhadap Kandungan Komputer (Seksyen 5)

Mengubah, memadam, atau memasukkan data tanpa kebenaran untuk menjejaskan maklumat dalam komputer.

**Hukuman:** Denda tidak lebih RM100,000 atau penjara maksimum 7 tahun, atau kedua-duanya sekali ATAU denda tidak lebih RM150,000 atau penjara tidak lebih 10 tahun atau kedua-duanya, jika dengan niat mendatangkan kecederaan seperti yang ditakrifkan dalam Kanun Keseksaan

## 4. Komunikasi Salah (Seksyen 6)

Berkongsi, secara langsung atau tidak langsung, nombor, kod, kata laluan, atau sebarang cara akses ke komputer kepada orang yang tidak diberi kebenaran.

**Hukuman:** Denda tidak lebih RM25,000 atau penjara tidak lebih 3 tahun atau kedua-duanya.

## 5. Persubahatan & Percubaan (Seksyen 7)

Bersubahat dalam perlakuan atau cuba untuk melakukan mana-mana kesalahan di bawah Akta 563.

**Hukuman:** Jika disabitkan, boleh dikenakan hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu.

## 6. Anggapan (Seksyen 8)

Seseorang yang ada dalam jagaan atau kawalannya apa-apa program, data atau maklumat lain yang disimpan dalam mana-mana komputer atau didapatkan semula daripada mana-mana komputer yang berkenaan dengannya dia tidak berkuasa untuk ada dalam jagaan atau kawalannya, hendaklah disifatkan telah memperoleh capaian tanpa kuasa kepada program, data atau maklumat itu melainkan sekiranya dibuktikan sebaliknya

INFO. PEJABAT PUU BIL. 49/2024 (BTG)



## **AKTA KESALAHAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN ANUGERAH 2017 (“Akta”)**

Seseorang yang:-

(a) menerima suatu anugerah tidak diiktiraf daripada mana-mana orang sama ada di dalam atau di luar Malaysia; atau

(b) menggunakan dan menikmati gelaran dan panggilan suatu anugerah tidak diiktiraf dalam apa-apa bentuk dan cara,

jika sabit kesalahan boleh dipenjarakan selama tempoh tidak lebih tiga (3) tahun.

(Seksyen 3, Akta)



INFO PEJABAT PUU  
BIL 50/2024 (BP)

# KEHADIRAN KE KULIAH, TUTORIAL, KELAS ATAU PENGAJARAN



- Kehadiran pelajar dalam mana-mana kuliah, tutorial, kelas atau pengajaran lain adalah dimestikan (wajib).
- Pelajar mesti (wajib) mendapatkan kebenaran terlebih dahulu jika tidak dapat hadir ke mana-mana kuliah, tutorial, kelas atau pengajaran lain.

class

INFO PEJABAT PUU  
BIL 51/2024 (BP)



# KELAKUAN BERHUBUNGAN PEPERIKSAAN

Pelajar tidak dibenarkan melakukan mana-mana perkara-perkara berikut semasa peperiksaan sedang dijalankan:-

- (a) membawa apa-apa buku, kertas, dokumen, gambar, peranti elektronik atau benda lain.
- (b) membawa apa-apa buku, kertas, dokumen, gambar, peranti elektronik atau benda lain keluar dari bilik peperiksaan.
- (c) menerima apa-apa buku, kertas, dokumen, gambar, peranti elektronik atau benda lain daripada mana-mana orang di dalam bilik peperiksaan.
- (d) menulis, atau mendatangkan orang lain untuk menulis, apa-apa maklumat atau gambar rajah yang berkaitan dengan peperiksaan yang didudukinya.
- (e) berkomunikasi dengan mana-mana pelajar atau orang lain semasa peperiksaan sedang dijalankan dengan apa jua cara.
- (f) menipu atau meniru, cuba untuk menipu atau cuba untuk meniru, atau berkelakuan yang boleh ditafsirkan sebagai menipu atau meniru dalam peperiksaan.

(KAEDAH 8(1), KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI DAN KOLEJ  
UNIVERSITI (UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA)  
(TATATERTIB PELAJAR) 2024.

INFO PEJABAT PUU  
BIL 52/2024 (BP)



# KESALAHAN MENGHINA

- Anda boleh didakwa atas kesalahan menggunakan perkataan lucah, kasar atau menghina, mengugut, menampal atau melekatkan apa-apa kertas bertulis atau lukisan lucah.
- Jika sabit kesalahan boleh dikenakan denda tidak melebihi seratus ringgit (seksyen 14, Akta Kesalahan Kecil 1955).



INFO PEJABAT PUU  
BIL 53/2024 (BP)



# INFO PEJABAT PUU BIL. 55/2024 (BPPIP)



## -PERSETUJUAN BERSAMA

- Seksyen 63 - Pihak-pihak berkontrak bersetuju untuk menggantikan kontrak semasa dengan suatu kontrak yang baru atau membatalkan atau membuat pindaan, maka terma kontrak semasa tidak perlu dilaksanakan.

## -DOKTRIN KECEWAHAN

- Seksyen 57(2) - suatu kontrak yang pada mulanya sah dan boleh dilaksanakan dikatakan kecewa apabila berlaku keadaan-keadaan yang menjadikannya mustahil untuk dilaksanakan.

## -PELAKSANAAN

- Seksyen 38 (1) - Pihak-pihak berkontrak hendaklah melaksanakan atau menawarkan untuk melaksanakan janji masing-masing kecuali jika pelaksanaan dikesualikan atau tidak diperlukan di bawah akta ini atau mana-mana undang-undang lain.

# -AKTA KONTRAK 1950 -PELEPASAN KONTRAK

## -KEMUNGKIRAN

- Seksyen 40 - apabila sesuatu pihak berkontrak telah enggan melaksanakan atau menyebabkan dirinya tidak berdaya melaksanakan janjinya sepenuhnya, pihak satu lagi boleh menamatkan kontrak, kecuali dia menunjukkan dengan lisan atau pelakuan persetujuannya untuk meneruskan kontak itu.

## APA ITU PELEPASAN KONTRAK?

Kewajipan atau obligasi kontraktual pihak berkontrak adalah dilepaskan apabila pihak berkontrak tidak lagi dikehendaki melaksanakan kewajipan atau obligasi kontrak.

# **BAB B**

# **KOLEKSI**

# **INFO PUU**

# Kuiz Celik Undang- Undang (Januari)



Sesi  
Perkongsian  
12mu (Januari)



**SESI  
PERKONGSIAN  
12MU**

PENYEDIAAN DOKUMEN PERUNDANGAN (SIRI 3)

**12 JANUARI 2024**  
**10.00 PG**

BERSAMA:  
**SITI NORASHIKIN MOHD YUNUS**  
TIM. PENASIHAT UNDANG-UNDANG

ATAS TALIAN  
(MS TEAMS)



# Sesi Perkongsian Ilmu

(Februari)



**LIVE  
WEBINAR**

**SESI  
PERKONGSIAN  
ILMU**

PENYEDIAAN DOKUMEN PERUNDANGAN (SIRI 4)

**5 FEBRUARI 2024**  
**10.00 PG**

BERSAMA:  
**SITI NORASHIKIN MOHD YUNUS**  
TIM. PENASIHAT UNDANG-UNDANG

ATAS TALIAN  
(MS TEAMS)



# Kuiz Celik Undang-Undang (Mac)



## KUIZ UJI MINDA SIRI 3

- 1 Terbuka kepada semua pelajar berdaftar UTeM.
- 2 Pelajar mesti menggunakan emel UTeM (jika tidak, penyertaan adalah terbatalkan).
- 3 Pelajar hanya boleh menjawab satu (1) kali sahaja.
- 4 Pemenang dipilih berdasarkan ketepatan dan kreativiti menjawab soalan.
- 5 Keputusan adalah muktamad.



Kuiz Uji  
Minda (Mac)





## Majlis Berbuka Puasa ( Mac )





**Lawatan Penanda  
Aras USIM ke  
Pejabat PUU (April)**

# Kuiz Celik Undang-Undang (Undang Jun)



**KUIZ CELIK  
UNDANG-  
UNDANG**

- (1) Terbuka kepada semua staf (kecuali staf Pejabat PUU).
- (2) Staf hanya dibenarkan menjawab sekali sahaja.
- (3) Pemenang dipilih berdasarkan kecepatan dan ketepatan menjawab semua soalan.
- (4) Keputusan adalah muktamad.



MAJLIS PERPISAHAN  
Y.BHG. DATUK AZHAR  
BIN MOHAMED (JULAI)



We will  
miss  
you

# SESI LIBAT URUS KELULUSAN DOKUMEN PERUNDANGAN (OGOS)



# Lawatan Penanda Aras ke Unimap (September)



# Pertandingan Video Pendek Undang-Undang (Oktober)



**PERTANDINGAN VIDEO PENDEK UNDANG-UNDANG**

14 OKTOBER 2024 HINGGA 25 OKTOBER 2024

#SERLAHKAN KREATIVITIMU#



**TAHNIAH!!!**

PEMENANG-PEMENANG PERTANDINGAN VIDEO PENDEK UNDANG-UNDANG

TEMPAT PERTAMA : KUMP. RESEDENSI HARMONI

TEMPAT KEDUA : KUMP. NOVA SQUAD

TEMPAT KETIGA : KUMP. AUTOTRONIC ANIMATION



# Kuiz Uji Minda (November)



## KUIZ Uji MINDA

- (1) Terbuka kepada semua pelajar berdaftar UTeM.
- (2) Pelajar hanya dibenarkan menjawab sekali sahaja.
- (3) Pelajar dimestikan menggunakan emel rasmi UTeM (jika tidak, penyertaan akan terbatil dengan sendirinya).
- (4) Pemenang dipilih berdasarkan kecepatan dan kreativiti menjawab soalan.
- (5) Keputusan adalah muktamad.



# Kuiz Celik Undang-Undang (November)

## KUIZ CELIK UNDANG-UNDANG



- (1) Terbuka kepada semua staf (kecuali staf Pejabat PUU).
- (2) Staf hanya dibenarkan menjawab sekali sahaja.
- (3) Pemenang dipilih berdasarkan kecepatan dan ketepatan menjawab semua soalan.
- (4) Keputusan adalah muktamad.



# Taklimat Stamps (November)



The poster features the UTeM logo at the top left, with the text 'UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA' below it. In the top right corner, there is a blue box with the number '16' and the text 'DARI 2016' and 'DARI 2016'.

## TAKLIMAT PENYETEMAN STAMPS 2024

Khamis  
14 November, 2024  
09:00pagi - 11:00pagi

**SERTA KAMI**

Microsoft Teams

MIBAS KOD QR UNTUK SERTA!

**Anjuran :**  
Pejabat Penasihat Undang-Undang UTeM

**Speaker :**  
**CIK UNGKU NOOR AFIQ BT UNGKU HASSAN**  
Penolong Penasihat Undang-Undang  
Pejabat Penasihat Undang-Undang UTeM



# Kuiz Celik Undang-Undang (November)

**KUIZ CELIK UNDANG-UNDANG**

- (1) Terbuka kepada semua staf (kecuali staf Pejabat PUU).
- (2) Staf hanya dibenarkan menjawab sekali sahaja.
- (3) Pemenang dipilih berdasarkan kecepatan dan ketepatan menjawab semua soalan.
- (4) Keputusan adalah muktamad.



# PENGHARGAAN



EN. MOHD NIZAM BIN PAVEL

---



DATUK AZHAR BIN MOHAMED

---



CIK SITI NORASHIKIN BINTI MOHD YUNUS

---



CIK NUR MAIZATULL HAFYFA BINTI AHMAD TAJUDIN

---



DATIN AFIANA BINTI HUSIN

---



CIK UNGKU NOR AFIQ BINTI UNGKU HASSAN

---



PN. NURFADHLIYANA BINTI ROSLI

---



CIK NABILAH HANANI BINTI ABU BAKAR

---



EN. MUHAMAD AIDIL FAHMI BIN ADNAN

---



PN. NADHIA BINTI GAFAR

---



EN. FADZLY BIN NORDIN

---



EN. ABDUL RAHMAN BIN SALLEH

---





# KOLEKSI INFO PUU & GALERI AKTIVITI 2024



MyUTeM



WORLD  
UNIVERSITY  
RANKINGS



World  
University  
Rankings



PENERBIT  
UTeM  
Press

Laman Sesawang : [www.utem.edu.my/penerbit](http://www.utem.edu.my/penerbit)  
Kedai Buku Atas Talian : [utembooks.utem.edu.my](http://utembooks.utem.edu.my)  
Emel : [penerbit@utem.edu.my](mailto:penerbit@utem.edu.my)